



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**‘PINJAMAN PERSAHABATAN’: SATU KAJIAN UNDANG-
UNDANG DI MALAYSIA**

FRIENDLY LOAN: A LEGAL STUDY IN MALAYSIA

Wong Hua Siong^{1*}

¹ Faculty of Law, Multimedia University, Melaka, Malaysia
Email: wonghuasiong@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 14.10.2021

Revised date: 01.11.2021

Accepted date: 08.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Wong, H. S. (2021). Pinjaman Persahabatan’: Satu Kajian Undang-Undang Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (26), 39-47.

DOI: 10.35631/IJLGC.626004.

This work is licensed under **CC BY 4.0**



Abstrak:

Institusi kewangan yang berlesen yang ditubuhkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 di Malaysia akan memberi pinjaman kewangan dengan kadar bunga yang ditentukan oleh undang-undang dan perintah arahan daripada Bank Negara Malaysia kepada peminjam. Namun demikian, bukan semua peminjam mampu untuk membayar kadar bunga yang dianggap tinggi dan membebankan. Oleh itu, undang-undang di Malaysia membenarkan pinjaman persahabatan, iaitu pemberi pinjaman akan memberi pinjaman kewangan kepada penerima pinjaman tanpa dikenakan kadar bunga atau pada kadar yang minimal. Kajian ini akan berfokus pada sejauh manakan isu undang-undang pengamalan pinjaman persahabatan di Malaysia dan sama ada peruntukan undang-undang dan polisi semasa dapat melindungi kepentingan kedua-dua pemberi dan penerima pinjaman persahabatan. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan melibatkan kajian perpustakaan. Hasil kajian ini akan melihat aspek isu perundangan agar melindungi kepentingan kedua-dua pemberi dan penerima pinjaman persahabatan. Malah, Malaysia juga boleh bertimbang untuk mewujudkan suatu undang-undang khas mengenai pinjaman persahabatan dan dikawal selia oleh pihak yang berkuasa.

Kata Kunci:

Isu Undang-Undang, Malaysia, Pinjaman Persahabatan

Abstract:

Financial institutions licensed which were established under the Financial Services Act 2013 and the Moneylenders Act 1951 in Malaysia will provide financial loans at the interest rate charged permitted by-laws and guidelines

from the Central Bank of Malaysia to borrowers. However, not all borrowers can afford to pay high and onerous interest rates. Therefore, the law in Malaysia allows for friendly loans, i.e. the lender will provide financial loans assistance to the borrower from of interest or with minimal interest rate. This study will focus on the extent to which the legal issues of the practice of friendly loans in Malaysia and whether the provisions of current laws and policies can protect the interests of both lenders and recipients of friendly loans. This study is qualitative in nature and involves library research. The results of this study will look at aspects of legal issues in order to protect the interests of both lenders and recipients of friendly loans. In fact, Malaysia could also consider creating a special law on friendly loans and regulated by the authorities.

Keywords:

Legal Issues, Malaysia, Friendly Loan

Pengenalan

Bank perdagangan, bank-bank Islam, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun merupakan institusi-institusi kewangan yang utama di Malaysia sebelum tahun 2006. Namun demikian, keadaan ini berubah selepas tahun 2006 kerana institusi perbankan utama di Malaysia kemudiannya terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam dan bank pelaburan¹. Sejak pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013² dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013³, institusi insurans dan aktiviti takaful juga termasuk dalam golongan institusi perbankan.

Institusi kewangan yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 di Malaysia akan memberi pinjaman kewangan dengan kadar bunga yang ditetapkan oleh undang-undang dan perintah arahan daripada Bank Negara Malaysia⁴ kepada peminjam. Namun demikian, bukan semua peminjam mampu untuk membayar kadar bunga yang tinggi dan membebankan. Oleh itu, undang-undang di Malaysia membenarkan pinjaman persahabatan, iaitu pemberi pinjaman akan memberi pinjaman kewangan kepada penerima pinjaman tanpa dikenakan kadar bunga ataupun dengan kadar bunga yang sangat minimal dengan syarat-syarat tertentu. Pinjaman persahabatan adalah pinjaman antara dua orang berdasarkan kepercayaan dan pinjaman ini perlu dilunaskan. Undang-undang memperakui pinjaman ini sebagai kontrak yang sah dan kontrak ini dapat dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia sekiranya mana-mana pihak telah melanggar terma dan syarat dalam kontrak tersebut.

Sorotan Literatur

Tiada akta undang-undang bertulis di Malaysia yang mendefinisikan pinjaman persahabatan secara jelas. Memandangkan tidak banyak terdapat karya penulisan yang membincangkan isu pinjaman persahabatan ini, sorotan literatur akan tertumpu pada keputusan kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia. Dalam kes *Tan Aik Teck v. Tang Soon Chye*⁵, hakim

¹ https://www.bnm.gov.my/documents/20124/933243/x_bm.pdf.

² A758.

³ A759.

⁴ Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate (OPR)*) setakat September 2021 yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ialah 1.75%.

⁵ [2007] 5 CLJ 441.

Mahkamah Rayuan, iaitu Mokhtar Sidin menjelaskan bahawa pinjaman persahabatan bertentangan dengan pinjaman wang daripada pemberi pinjaman wang yang berlesen atau institusi kewangan yang melibatkan kadar bunga yang membebankan. Pinjaman persahabatan adalah pinjaman di antara dua orang yang berasaskan kepercayaan. Kadang-kala terdapat perjanjian seperti I.O.U (yang bermaksud 'saya berhutang kepada kamu') atau jaminan yang dijanjikan untuk pembayaran balik di antara pemberi dan penerima pinjaman di pinjaman persahabatan tetapi perkara yang paling penting ialah tiada faedah dikenakan.

Selain itu, dalam kes *Song Teik Kim v. Lina Dimbad & Anor*⁶, Mahkamah Rayuan Malaysia juga menyatakan bahawa pinjaman persahabatan merupakan pinjaman yang tidak dikenakan kadar bunga dalam perjanjian itu. Sekiranya terdapat kadar bunga ditetapkan dalam perjanjian pinjaman, maka pinjaman ini tidak ada perbezaan dengan apa yang sebenarnya berlaku pada hari ini, iaitu pinjaman wang daripada pemberi pinjaman wang yang berlesen atau institusi kewangan yang melibatkan kadar bunga yang membebankan.

Tambahan pula, Mahkamah Tinggi dalam kes *Exsim Development Sdn. Bhd. v. Thiruselvam V K Marimuthu*⁷ dan *Tarique Azam v. Hamdan Mohamad*⁸ memutuskan bahawa pemberi pinjaman dalam kes ini tidak dikategori sebagai pemberi pinjaman wang kerana pinjaman yang diberikan adalah pinjaman persahabatan di mana pemberi pinjaman tidak memperoleh keuntungan atau dikenakan sebarang faedah atas transaksi tersebut.

Walau bagaimanapun, apa yang harus kita beri perhatian ialah satu atau dua transaksi pinjaman tidak semestinya bermaksud seseorang itu menjalankan perniagaan memberi pinjaman wang dan seterusnya menjadikannya pemberi pinjaman wang dalam konteks Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Hal ini demikian kerana memberi pinjaman wang tidak sama dengan menjalankan perniagaan memberi pinjaman wang seperti mana yang dijelaskan dalam kes *Sardhan Singh v. Sellathurai*⁹. Malahan dalam kes *Ngui Mui Khin & Anor v. Gillespie Bros & Company Ltd.*¹⁰ mahkamah memutuskan bahawa adalah tidak menjadi kesalahan bagi seseorang yang memberi pinjaman wang untuk mengenakan faedah ke atas wang yang dipinjamkan asalkan dia tidak menjalankan perniagaan memberi pinjaman wang mengikut definisi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Selanjutnya mahkamah dalam kes *Ngui Mui Khin & Anor* juga memutuskan bahawa bagi membuktikan perniagaan memberi pinjam wang, kes tersebut memerlukan unsur kesinambungan (*continuity*), sistem atau pengulangan transaksi yang sama¹¹. Pihak Defendan dalam kes ini tidak dapat mengemukakan keterangan yang boleh membuktikan bahawa Plaintiff telah menjalankan transaksi memberi pinjam wang secara bersinambungan dan berulang-ulang dan melibatkan mana-mana pihak lain.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan melibatkan kajian perpustakaan. Metodologi yang digunakan adalah bercorak kualitatif secara keseluruhannya berdasarkan kaedah dokumentasi secara tradisi dan juga melibatkan kajian falsafah dan pandangan-pandangan dalam akademik secara sistematik. Oleh itu, kajian ini bukanlah kajian empirikal sebaliknya bersifat kajian perpustakaan melalui data utaman dan data sekunder. Data utama kajian ini terdiri daripada

⁶ [2019] 7 CLJ 223.

⁷ [2018] 1 LNS 1314.

⁸ [2018] 1 LNS 1068.

⁹ [1955] 1 LNS 137; [1955] MLJ 117.

¹⁰ [1979] 1 LNS 60; [1980] 2 MLJ 9.

¹¹ Sila rujuk juga kes *Chow Yoong Hong v. Choong Fah Rubber Manufactory* [1962] AC 209, [1962] MLJ 74.

Akta dan kes-kes tertentu yang berkenaan dengan pinjaman persahabatan. Data sekunder pula terdiri daripada buku-buku rujukan dan penulisan khabar berkenaan dengan pinjaman persahabatan di Malaysia. Ringkasnya, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan dokumentasi tradisional untuk mendapatkan penemuan ke atas isu yang dibincangkan.

Perbincangan

Pemberi pinjaman wang yang berlesen ialah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan pinjaman wang yang didaftarkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951¹² dan kadar faedah bagi pinjaman yang tidak bercagar tidak melebihi kadar 18% setahun (1.5% sebulan) manakala pinjaman bercagar adalah sebanyak kadar 12% setahun (1% sebulan). Oleh itu, pemberi pinjaman persahabatan haruslah memastikan beliau tidak dikategori dalam definisi pemberi pinjaman wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Adalah menjadi satu salah faham bahawa pemberian pinjaman persahabatan akan menjadikannya sebagai pinjaman wang yang memerlukan lesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Undang-undang Malaysia tidak melarang seseorang memberi pinjaman persahabatan dan pemberi pinjaman tidak memerlukan lesen untuk menjalankan urusan pinjaman persahabatan. Seperti yang diputuskan dalam kes *Ngui Mui Khin & Anor v. Gillespie Bros. & Co. Ltd.*¹³, mahkamah akan melihat tujuan utama perniagaan pemberi pinjaman dan memutuskan bahawa pemberi pinjaman tidak dibenarkan mengenakan faedah pinjaman persahabatan.

Masalah perundangan yang biasa dihadapi oleh mahkamah adalah menentukan maksud pinjaman persahabatan setara dengan transaksi pinjaman wang seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Perbezaan ini adalah penting kerana terdapat garis panduan mandatori tertentu yang diperuntukkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 seperti syarat lesen yang sah dan peraturan mengenai kepentingan yang jika dilanggar dapat menjadikan pinjaman itu terbatal.

Di samping itu, hakim Mahkamah Rayuan, Gopal Sri Ram (ketika itu) secara ringkas telah menyatakan dalam kes *Pan Global Equities Sdn Bhd & Anor v. Taisho Company Sdn Bhd*¹⁴ bahawa semangat dan intitusi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 adalah untuk melindungi individu daripada rahang pemberi pinjaman tidak berlesen. Persoalan dan isu sama ada urusan niaga dirancang dalam lingkungan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 adalah bergantung pada fakta setiap kes masing-masing. Persoalannya adalah apakah hakikat sebenar hubungan kedua-dua pihak dalam hal pinjaman wang tersebut?

Majlis Privy di *Chow Yoong Hong v. Choong Fah Rubber Manufactory*¹⁵ menjelaskan mengenai perniagaan pinjaman wang bahawa meminjamkan wang tidak sama dengan menjalankan perniagaan pinjaman wang. Untuk membuktikan bahawa seorang tersebut adalah pemberi pinjaman wang dalam erti Ordinan, malah perlu menunjukkan beberapa tahap sistem dan kesinambungan dalam urusan niaga pinjaman wangnya.

¹² Akta 400.

¹³ [1980] 2 MLJ 9.

¹⁴ [2005] 3 CLJ 734.

¹⁵ [1962] MLJ 74.

Sekiranya mahkamah mendapati bahawa pemberi pinjaman persahabatan telah menjalankan aktiviti pemberian pinjaman wang tanpa lesen, dua kemungkinan mungkin berlaku:

(i) Perjanjian pinjaman persahabatan tersebut akan dianggap batal. Namun demikian, hal ini tidak bermaksud bahawa penerima pinjaman persahabatan tidak lagi memerlukan bayaran balik pinjaman tersebut. Penerima pinjaman persahabatan masih perlu membayar balik pinjaman tersebut mengikut seksyen 66 Akta Kontrak 1950¹⁶ yang memperuntukan bahawa, apabila perjanjian didapati tidak sah, atau apabila kontrak menjadi batal, mana-mana orang yang telah menerima keuntungan di bawah perjanjian atau kontrak itu mesti mengembalikannya, atau untuk membuat pampasan untuknya, kepada orang yang berasal daripadanya telah menerimanya. Isu ini juga dijelaskan di dalam kes *Muhibbah Teguh Sdn Bhd v. Yaacob Mat Yim*¹⁷.

(ii) Pemberi pinjaman wang dalam kes ini akan dianggap melanggar undang-undang kerana menjalankan aktiviti pinjaman wang tanpa berlesen di bawah seksyen 5 Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak pemberi dan penerima pinjaman persahabatan, kedua-dua pihak seharusnya sekurang-kurangnya memasuki satu kontrak perjanjian pinjaman persahabatan walaupun cara ini mungkin menyebabkan penerima pinjaman persahabatan berasa kurang selesa. Namun demikian, perbuatan ini boleh menjamin hak dan kepentingan kedua-dua pihak dalam pinjaman persahabatan. Dalam kes *Tan Aik Teck v. Tang Soon Chye*,¹⁸ Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pinjaman persahabatan adalah pinjaman di antara dua orang berdasarkan kepercayaan. Walau bagaimanapun, proses ini seharusnya mempunyai perjanjian seperti I.O.U. atau jaminan berjanji untuk membayar balik di antara kedua-dua pihak tersebut.

Hakim Mohamad Ariff, pada ketika itu, dalam kes *Kam Seng Realty Sdn Bhd v. Dato Tai Fatt Yew & Anor*¹⁹ juga menyebut bahawa mahkamah memerlukan bukti yang boleh dipercayai serta sokongan dokumentari yang diperlukan untuk membuktikan kewujudan pinjaman persahabatan antara kedua-dua pihak pemberi dan penerima pinjaman persahabatan.

Sebagai peraturan umum, mahkamah lebih memilih pendirian bahawa tidak ada kadar faedah yang akan dikenakan pada pinjaman persahabatan untuk memastikan bahawa pemberi pinjaman tidak memperoleh manfaat daripada pinjaman persahabatan. Hal ini demikian kerana dalam pinjaman persahabatan, pemberi pinjaman masih tidak memenuhi syarat pemberi pinjam wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Walau bagaimanapun, pemberi pinjaman wang masih boleh mengenakan kadar faedah tetapi mesti membuktikan bahawa dia tidak memperoleh keuntungan seperti perniagaan pinjaman wang berlesen dan tidak boleh menunggu sehingga faedah digabungkan menjadi jumlah yang besar sebelum memulakan tindakan di mahkamah. Sekiranya tidak, mahkamah boleh menurunkan elemen faedah tersebut dalam transaksi pinjaman persahabatan jika faedahnya terlalu tinggi, tidak berpatutan, dan tidak dapat dipertikaikan. Prinsip ini juga didapati dalam kes Mahkamah Tinggi di *Menta Construction Sdn Bhd v. SPM Property & Management Sdn Bhd & Anor*²⁰. Dalam kes tersebut,

¹⁶ A136.

¹⁷ [2005] 4 CLJ 853.

¹⁸ [2007] 6 MLJ 97.

¹⁹ [2012] 7 MLJ 825.

²⁰ [2017] MLJU 526.

mahkamah menolak untuk menuntut kadar faedah 8.8% setahun seperti yang dipersetujui, tetapi di sebaliknya menetapkan kadar faedah yang sederhana iaitu 5% setahun.

Isu seterusnya ialah sama ada terdapat tempoh bayaran balik yang ditetapkan di pinjaman persahabatan? Isu ini haruslah ditentukan bagi mempercepat proses pemulihan dan meningkatkan peluang pemberi pinjaman untuk mendapatkan kembali wang sekiranya peminjam gagal bayar. Hal ini kerana sekiranya berlaku kegagalan peminjam setelah tempoh pembayaran tetap yang ditetapkan, pemberi pinjaman kemudian akan mempunyai tempoh had enam tahun untuk membayar hutang²¹. Selepas tempoh enam tahun ini, Akta Limitasi 1953²² tidak membenarkan pemberi pinjaman mengambil tindakan undang-undang terhadap penerima pinjaman bagi urusan tuntutan wang tunggakan. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak ada tempoh tetap untuk pembayaran, tempoh had adalah enam tahun dari tarikh pinjaman wang diberikan oleh pemberi pinjaman, seperti yang berlaku dalam kes *Kam Seng Realty Sdn Bhd lwn Dato Tai Fatt Yew & Anor* yang dibincangkan sebelumnya.

Selain itu, perjanjian pinjaman persahabatan hendaklah disetemkan berdasarkan Seksyen 52 Akta Setem 1949 agar dapat diterima sebagai bukti di mahkamah Malaysia. Perjanjian boleh disetemkan dalam masa 30 hari dari pelaksanaannya jika dilaksanakan di Malaysia atau dalam 30 hari setelah ia pertama kali diterima di Malaysia, sekiranya perjanjian tersebut dilaksanakan di luar Malaysia. Walau bagaimanapun, perjanjian pinjaman persahabatan masih berkuatkuasa di bawah undang-undang Malaysia walaupun perjanjian disetemkan selepas tarikh yang ditetapkan dengan syarat pihak yang bergantung pada dokumen ini di mahkamah haruslah membayar duti setem dan denda kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia seperti mana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di kes *Malayan Banking Berhad v. Biro Perkhidmatan Agensi Sdn. Bhd.*²³

Dalam kes *Rostam Bin Abbas v. Ali Dad Bin Fazal Elahi*²⁴, Rostam berusaha untuk mendapatkan sejumlah wang dari Ali kerana gagal membayar balik pinjaman persahabatan yang diberikan atas permintaan Ali. Sebenarnya terdapat perjanjian yang ditandatangani di antara Rostam dan Ali, namun demikian Rostam gagal mengemukakan perjanjian tersebut kepada mahkamah sebagai bukti tetapi dia hanya dapat mengemukakan salinan perjanjian yang tidak ditandatangani dan tidak bertarikh. Ali mengetepikan dan mempersoalkan hal ini dan berpendapat bahawa tuntutan Rostam adalah tidak sah dan tidak dapat dilaksanakan kerana ia merupakan transaksi pinjaman wang tanpa izin dan mahkamah harus membuat kesimpulan buruk terhadap Rostam kerana kegagalannya membuat perjanjian yang ditandatangani dan bertarikh di antara mereka. Walau bagaimanapun, mahkamah tidak setuju dengan pendapat Ali dan Mahkamah menyatakan bahawa walaupun perjanjian pinjaman tersebut merupakan satu dokumen yang material dalam kes ini, namun tidak akan membawa kesan kepada kes pemberi pinjaman selagi dia dapat meyakinkan mahkamah berdasarkan keseimbangan kemungkinan, bahawa kedua-duanya dan peminjam telah membuat perjanjian (bertulis atau sebaliknya), mahkamah akan menerima tuntutan pemberi pinjaman kecuali terbukti sebaliknya oleh peminjam.

²¹ Seksyen 6(1) Akta Limitasi 1953.

²² A254.

²³ [1982] 1 MLJ 198.

²⁴ [2014] 1 MLJ 205.

Beban pembuktian dalam kes sivil terletak pada Plaintiff seperti mana diperuntukan di seksyen 101 dan 103 Akta Keterangan 1950, yang bermaksud dalam kes pinjaman persahabatan, terdapat dua elemen yang harus dibuktikan oleh Plaintiff:

- (i) Adakah Defendan menerima wang tersebut?
- (ii) Adakah wang itu diberikan sebagai pinjaman persahabatan?

Dalam kes *Homewest Sdn Bhd v. Lee Lai Heng*²⁵, Plaintiff membuktikan bahawa Defendan menerima wang yang dibayar dengan wang tunai dan melalui cek. Defendan mengaku menerima tetapi menafikan bahawa wang itu adalah pinjaman persahabatan, tetapi sebaliknya dituntut sebagai pelaburan.

Oleh itu, panduan mudah apabila seseorang memutuskan untuk memberikan pinjaman persahabatan:

(i) *Menyediakan perjanjian pinjaman bertulis*

Seperti yang dinyatakan dalam kedua kes di atas, ketiadaan perjanjian bertulis tidak akan membantutkan tuntutan pemberi pinjaman. Walau bagaimanapun, perkara yang berhemat untuk dilakukan (seperti pada setiap perjanjian lain) adalah menyiapkan perjanjian bertulis yang menggariskan syarat-syarat pinjaman persahabatan dengan jelas²⁶ diberikan berdasarkan pinjaman persahabatan dan sebaliknya.²⁷

Dalam *Lim Choon Hau v. Simpson Wong*²⁸, mahkamah menerima bukti WhatsApp sebagai bukti langsung defendan yang menerima Wang sebagai pinjaman persahabatan daripada Plaintiff.

Di Mahkamah Persekutuan dalam kes *Yam Kong Seng & Anor v. Yee Weng Kai*²⁹, pesanan mesej ringkas (SMS) diterima sebagai bukti bahawa defendan menerima wang untuk tujuan pinjaman dari pihak plaintiff.

(ii) *Simpan rekod semua yang berkaitan dengan perjanjian*

Seperti semua perjanjian bertulis, pemberi dan penerima pinjaman wang persahabatan juga haruslah bertindak bijaksana untuk menyimpan rekod apa sahaja dan segala yang berkaitan dengan perjanjian, seperti rekod transaksi, perbualan, dokumen tambahan tambahan, dan lain-lain secara tersusun dan sistematik. Seperti yang dinyatakan di atas, dokumen-dokumen ini akan membantu pemberi dan penerima pinjaman membuat tuntutan dalam sekiranya berlaku perselisihan.

Isu batasan sering timbul dalam senario pinjaman persahabatan. Tempoh had untuk mendapatkan pinjaman adalah enam tahun dari tarikh pembayaran balik. Dengan kata lain, anda mempunyai masa enam tahun untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap

²⁵ [2018] 1 LNS 1499.

²⁶ *Kam Seng Realty Sdn Bhd v Dato Tai Fatt Yew & Anor* [2012] 7 MLJ 825.

²⁷ *P'ng Hun Sun v Dato Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523.

²⁸ [2019] 1 LNS 217.

²⁹ [2014] 6 CLJ 285.

penghutang anda dari tarikh pembayaran balik, jika tidak, anda akan kehilangan hak anda untuk mendapatkan semula wang tersebut. Sekiranya tidak ada tarikh tetap untuk pembayaran pinjaman, had akan berlanjutan dari tarikh pendahuluan (lihat kes *Kam Seng Realty Sdn Bhd v. Dato Tai Fatt Yew & Anor* [2012] 7 MLJ 825). Oleh itu, pemberi dan penerima pinjaman wang persahabatan seharusnya memastikan terdapat syarat pembayaran yang jelas dalam perjanjian pinjaman persahabatan.

(iii) *Pastikan faedah yang dikenakan tidak berlebihan*

Seperti yang dinyatakan di awal artikel ini, pinjaman persahabatan biasanya tidak dikenakan kadar faedah. Dalam praktiknya, mahkamah biasanya membenarkan pemberi pinjaman untuk mengenakan sejumlah faedah kepada peminjam, selagi kadar faedahnya berpatutan iaitu tidak berlebihan / terlalu tinggi dan tidak masuk akal³⁰.

Kesimpulan

Oleh itu, adalah wajar bagi pihak berkuasa berkenaan untuk mempertimbangkan semua pelbagai implikasi ini walaupun yang terlibat adalah “pinjaman persahabatan”. Hal ini demikian kerana dalam keadaan di mana satu pihak lebih mengutamakan wang daripada persahabatan, pertimbangan yang sama sekali berbeza mungkin berlaku.

Akhirnya, perlu diingat bahawa sekiranya timbul konflik dan pertelingkahan antara pemberi dan penerima pinjaman persahabatan, tindakan untuk mendapatkan kembali wang mesti dilakukan dalam jangka waktu pembatasan. Tempoh had di Semenanjung Malaysia adalah enam tahun dari tarikh wang tersebut perlu dibayar. Pertimbangan yang sedikit berbeza berlaku di Sabah dan Sarawak. Setelah tempoh had tamat di bawah Akta Limitasi, hak untuk menuntut balik wang juga akan hilang.

Hasil kajian ini mendapati bahawa aspek isu perundangan haruslah diteliti agar melindungi kepentingan kedua-dua pemberi dan penerima pinjaman persahabatan. Malah, Malaysia juga boleh bertimbang untuk mewujudkan suatu undang-undang khas mengenai pinjaman persahabatan dan dikawal selia oleh pihak yang berkuasa.

Rujukan

- Akta Kontrak 1950 (Akta 136).
- Akta Limitasi 1953 (Akta 254).
- Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400).
- Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758).
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).
- Chow Yoong Hong v. Choong Fah Rubber Manufactory* [1962] MLJ 74.
- Exsim Development Sdn. Bhd. v. Thiruselvam V K Marimuthu* [2018] 1 LNS 1314.
- Friendly lending can turn ugly over non-payment. *Articles of Law by BHAG SINGH*. 28 Dec 2010. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/legal-and-general-news/members-opinions/friendly-lending-can-turn-ugly-over-non-payment>
- Homewest Sdn Bhd v. Lee Lai Heng* [2018] 1 LNS 1499.
- Kam Seng Realty Sdn Bhd v. Dato Tai Fatt Yew & Anor* [2012] 7 MLJ 825.
- Lim Choon Hau v. Simpson Wong* [2019] 1 LNS 217.
- Malayan Banking Berhad v. Biro Perkhidmatan Agensi Sdn. Bhd.* [1982] 1 MLJ 198.

³⁰ *Menta Construction Sdn Bhd v. SPM Property & Management Sdn Bhd & Anor* [2017] MLJU 526.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

- Menta Construction Sdn Bhd v. SPM Property & Management Sdn Bhd & Anor [2017] MLJU 526.
- Muhibbah Teguh Sdn Bhd v. Yaacob Mat Yim [2005] 4 CLJ 853.
- Ngui Mui Khin & Anor v. Gillespie Bros. & Co. Ltd. [1980] 2 MLJ 9.
- P'ng Hun Sun v Dato'Yip Yee Foo [2013] 6 MLJ 523.
- Pan Global Equities Sdn Bhd & Anor v. Taisho Company Sdn Bhd [2005] 3 CLJ 734
- Rostam Bin Abbas v. Ali Dad Bin Fazal Elahi [2014] 1 MLJ 205.
- Sardhan Singh v. Sellathurai [1955] 1 LNS 137; [1955] MLJ 117.
- Song Teik Kim v. Lina Dimbad & Anor [2019] 7 CLJ 223.
- Tan Aik Teck v. Tang Soon Chye [2007] 6 MLJ 97.
- Tarique Azam v. Hamdan Mohamad [2018] 1 LNS 1068.
- Yam Kong Seng & Anor v. Yee Weng Kai [2014] 6 CLJ 285.